

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status pelaksanaan Industry4WRD (Industry 4.0) yang dilancarkan pada tahun 2018 dan sejauh mana perusahaan dan sektor pembinaan di Sabah dapat manfaat daripada dasar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang sedia maklum, Dasar Industry4WRD dilancarkan bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan (*manufacturing related services* – MRS) untuk mengaplikasi teknologi Industri 4.0 di dalam proses pembuatan serta sistem pengurusan syarikat yang dipacu oleh tiga faktor peralihan iaitu Modal Insan, Proses dan Teknologi.

Dua program khusus telah diperkenalkan di bawah dasar ini, iaitu Penilaian Kesediaan Industry4WRD (*Industry4WRD Readiness Assessment* – RA) dan Dana Intervensi Industry4WRD (*Industry4WRD Intervention Fund* – IF) untuk membantu PKS dalam sektor pengilangan dan perkhidmatan berkaitan dalam transformasi ke arah Industri 4.0 yang merangkumi aspek latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi.

Sejak 2019 sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 1,056 syarikat PKS telah diluluskan untuk menyertai Program RA termasuk 21 syarikat PKS dari Negeri Sabah. Daripada jumlah ini, 15 syarikat PKS di Negeri Sabah telah selesai melaksanakan penilaian.

Syarikat-syarikat yang telah menjalani program RA yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan adalah layak untuk memohon Dana Intervensi Industry4WRD bagi tujuan menanggung perbelanjaan berkaitan latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Sejak bulan Januari 2020 sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 154 syarikat telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM54.26 juta. Di Negeri Sabah, satu (1) syarikat PKS di bawah sektor fabrikasi logam telah berjaya mendapat Dana Intervensi dengan nilai geran padanan sebanyak RM420,800.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
(KOTA BELUD)**

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS (KOTA BELUD) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perincian bagi kadar pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Sabah secara keseluruhan dan Parlimen Kota Belud secara khususnya yang tercicir dari sekolah disebabkan faktor kemiskinan sepanjang kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendefinisikan keciciran daripada sistem pendidikan sebagai situasi di mana murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan.

Selain daripada keciciran daripada sistem pendidikan, KPM turut melihat keciciran dalam konteks penguasaan pembelajaran. Bagi memastikan tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran semasa penutupan sesi persekolahan bersemuka, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan melalui 3 pendekatan, iaitu secara dalam talian (online), luar talian (offline) dan off-site mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi memantau penyertaan murid dalam PdPR, KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR). Sistem ini membolehkan penyertaan murid dipantau secara *real-time*. Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum.

Data pelaporan pelaksanaan PdPR dari 1 Ogos hingga 31 Oktober 2021 bagi negeri Sabah menunjukkan pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 0.3 peratus, iaitu daripada 99.6 peratus kepada 99.9 peratus. Bagi sekolah menengah pula, pelibatan murid meningkat sebanyak 0.7 peratus, iaitu daripada 98.8 peratus kepada 99.5 peratus.

Bagi daerah Kota Belud, data pelaporan pelaksanaan PdPR dari 1 Ogos hingga 31 Oktober 2021 menunjukkan pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 0.02 peratus iaitu daripada 99.97 peratus kepada 99.99 peratus. Bagi sekolah menengah pula, pelibatan murid meningkat sebanyak 0.84 peratus iaitu daripada 99.12 peratus kepada

99.96 peratus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menaik taraf fasiliti-fasiliti di Hospital Kota Belud serta menstrukturkan semula penempatan doktor-doktor pakar di seluruh negeri Sabah amnya dan Kota Belud khususnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Kota Belud merupakan hospital tanpa pakar di daerah Kota Belud dengan kapasiti 172 katil. Kerja-kerja penambahbaikan fasiliti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018-2020 di Unit Kecemasan dan Trauma dan Unit Hemodialisis.
2. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, KKM telah melaksanakan beberapa projek naiktaraf Hospital Kota Belud iaitu:
 - i. Pembinaan Bangunan Unit Kecemasan Dan Trauma pada tahun 2015 dengan kos RM2,500,000;
 - ii. Pembinaan Stor HDU yang baru pada 2017 dengan kos RM200,000; dan
 - iii. Pembaikan Bumbung Unit Hasil, OPD, Pengurusan dari tahun 2018 sehingga 2020 dengan kos sebanyak RM428,000.

3. Pada masa ini, kadar penggunaan katil Hospital Kota Belud sedia ada hanya mencapai 35% dan masih mampu menampung keperluan kesihatan penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi memperluaskan kebolehcapaian penduduk setempat kepada perkhidmatan kepakaran, konsep hospital kluster yang menggabungkan beberapa hospital tanpa pakar berdekatan dengan hospital berpakar telah dilaksanakan. Sehubungan itu, Hospital Kota Belud menerima lawatan pakar secara berkala dari Hospital Queen Elizabeth sebagai *lead hospital* kluster tersebut.

5. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau keperluan menaiktaraf fasiliti kesihatan atas faktor perkembangan perkhidmatan kesihatan, peningkatan penduduk, ketersediaan tapak yang bersesuaian dan sumber manusia serta tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan

Sekian, terima kasih.